

27 JUN 2000

OIC-Jawatankuasa

MALAYSIA DIJANGKA ANGGOTAI JAWATANKUASA OIC MENGENAI MINDANAO

KUALA LUMPUR, 27 Jun (Bernama) -- Malaysia dijangka menjadi anggota ketujuh jawatankuasa enam negara mengenai pelaksanaan perjanjian keamanan Barisan Pembebasan Kebangsaan Moro (MNLF) dan kerajaan Filipina, kata Menteri Luar Indonesia Alwi Shihab.

Indonesia merupakan pengerusi jawatankuasa itu yang turut dianggotai oleh Bangladesh, Saudi Arabia, Senegal, Somalia dan Libya.

Usul itu akan dikemukakan kepada jawatankuasa itu yang akan bersidang di sini esok, katanya kepada BERNAMA hari ini.

Alwi berkata kemasukan Malaysia penting memandangkan peranannya dalam usaha memperkembangkan syiar Islam di peringkat antarabangsa.

Diharapkan dengan kemasukan Malaysia peranan jawatankuasa itu akan dapat dipertingkatkan lagi.

Alwi berkata, sebagai negara jiran antara Filipina dan Malaysia, Indonesia telah berusaha bersungguh-sungguh untuk menyelesaikan masalah di Selatan Filipina itu termasuk antara kerajaan Filipina dan kumpulan MNLF.

"Malah pagi tadi saya telah menemui Gabenor Wilayah Autonomi Islam Mindanao (ARMM), Nur Misuari untuk mengetahui perkembangan di wilayah selatan Filipina itu.

Alwi berkata, jawatankuasa itu akan mendapat pandangan Misuari dan kerajaan Filipina dalam mencari jalan terbaik untuk menyelesaikan perkara ini.

"Misuari ada meminta supaya autonomi disegerakan dengan satu jadual ditetapkan untuk tujuan itu dan bentuk autonomi itu."

Alwi berkata, beliau berharap keputusan OIC ini nanti tidak berat kepada mana-mana pihak, katanya.

Sementara itu, Menteri Luar Malaysia Datuk Seri Syed Hamid Albar mengesahkan yang Malaysia dicadangkan untuk menggangotai jawatankuasa itu.

Perkara itu akan dibincangkan di mesyuarat jawatankuasa politik ICFM, kata beliau kepada pemberita di sesi hari pertama persidangan empat hari itu.

Syed Hamid berkata, salah satu anggota Jawatankuasa Enam itu telahpun mencadangkan supaya Malaysia mempengerusikan mesyuarat jawatankuasa itu.

Beliau berkata, keadaan di selatan Filipina ditimbulkan di perbincangan hari ini walaupun krisis tebusan Sipadan tidak dibincangkan.

Isu lain yang dibangkitkan termasuk keadaan masyarakat Islam minoriti di negara-negara yang majoriti penduduknya bukan Islam, alam sekitar, sains dan teknologi serta perjanjian keamanan di Asia Barat.

Semasa perbincangan, ada negara berpendapat ucapatama Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad perlu dijadikan asas bagi arah masa depan perkumpulan itu.

Alwi berkata, Indonesia cuba menyelesaikan masalah itu secara senyap-senyap kerana bimbang akan dikatakan mencampuri masalah dalaman negara lain.

Malah, katanya, dalam pertemuan antara Presiden Abdurrahman Wahid dengan Presiden Joseph Estrada, di Tokyo baru-baru ini mereka berdua telah membincangkan perkara itu.

Beliau berkata sementara Filipina dan MNLF berterus terang tentang masalah masing-masing dan perkara itu harus diputuskan dalam jawatankuasa itu nanti.

Jawatankuasa itu juga berusaha untuk meringankan beban di kedua-dua pihak dan tidak menekan mana-mana pihak dalam penyelesaian itu, katanya.

"Kita memberi kepercayaan penuh kepada Filipina untuk menyelesaikan perkara itu," tambahnya.

-- BERNAMA

HT JM/MK PR

